

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

Universiti Teknologi MARA

Disediakan oleh: Ts. Syed Harun Said Mohd

Shah Alam, 2 Julai 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam terus membuktikan kecemerlangan dalam pengurusan berkualiti dengan kejayaan mengekalkan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 bagi tahun 2025 di mana audit ini telah dijalankan sejak tahun 2019.

Audit pensijilan semula ini telah dilaksanakan oleh *Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)* selama dua hari bermula 1 hingga 2 Julai 2025. Audit ini telah diketuai oleh wakil LRQA, dengan dapatan menunjukkan bahawa UiTM Shah Alam tidak mencatat sebarang penemuan Ketidakakuran (*Non-Conformity, NC*) mahupun Peluang Penambahbaikan (*Opportunity for Improvement, OFI*). Keputusan ini secara langsung mencerminkan tahap kepatuhan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti universiti yang berada pada standard tertinggi.



AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

SKOP AUDIT:

PENGURUSAN KORPORAT UNIVERSITI AWAM



Sepanjang sesi audit, sebanyak 17 jabatan utama telah dinilai secara menyeluruh melibatkan semakan dokumen, rekod kerja, laporan dalaman serta pematuhan kepada standard pengurusan yang ditetapkan. Antara skop yang diberi perhatian merangkumi aspek *Management Review*, pembangunan sumber manusia, audit dalaman, kepuasan pelanggan, pengurusan hal ehwal akademik, pengambilan pelajar, jaringan industri, komuniti dan alumni, serta prasarana dan persekitaran kerja.

Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, turut merakamkan penghargaan kepada semua jabatan dan warga kerja UiTM yang telah menunjukkan komitmen tinggi, ketekunan dan kerjasama erat sepanjang proses audit berlangsung. Beliau menyatakan rasa bangga terhadap keberkesanan sistem pengurusan universiti yang berterusan dipertingkatkan selaras dengan misi UiTM untuk menjadi peneraju institusi pendidikan tinggi yang bertaraf antarabangsa.

Kejayaan audit ini sekali gus memperkukuh imej dan kedudukan UiTM sebagai institusi yang unggul dalam pengamalan budaya kerja cemerlang dan pengurusan berasaskan standard antarabangsa, serta menyokong aspirasi universiti untuk terus menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang berkualiti dan berkesan.



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا